



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

SELAMI KASIH YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA 2018 BANTUAN SEGERA UNTUK GOLONGAN SASAR

SEBUYAU, 23 APRIL 2018 – Seramai 300 isi rumah di Parlimen Batang Lupar telah dikenalpasti untuk menerima manfaat melalui program Selami Kasih YKN 2018 anjuran Yayasan Kebajikan Negara (YKN).

Program Selami Kasih YKN 2018 merupakan inisiatif Kerajaan dalam membantu kes-kes bantuan luar jangka melalui sokongan kewangan serta merta sebagai tanda keprihatinan Kerajaan kepada golongan yang memerlukan.

“Penerima bantuan Program Selami Kasih YKN 2018 ini bukanlah klien bantuan e-Kasih yang diperuntukkan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Ada sesetengah di antara mereka tidak pernah langsung mendapat bantuan daripada mana-mana pihak dan dengan menjalankan konsep cari dan bantu, kita telah dapat mengenal pasti mereka serta tindakan susulan segera akan diambil”, ujar Dato’ Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang merasmikan program berkenaan Peringkat Parlimen Batang Lupar di sini.

"Bantuan segera ini diyakini dapat melegakan golongan yang berkecukupan sementara mereka mendapat bantuan susulan daripada lain-lain agensi yang biasanya memerlukan sedikit masa bagi tujuan penilaian dan kelulusan", tambah beliau lagi.

YKN mula mengagihkan bantuan tunai kepada 300 penerima di sekitar Parlimen Batang Lupar selain barangan dapur dan keperluan asas secara lansung kepada penerima.

YKN agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menggerakkan 4,000 tenaga sukarelawan di kalangan masyarakat tempatan yang

digelar Sukarelawan Selami Kasih untuk mengenal pasti penerima seterusnya menyelaraskan bantuan serta menyelami permasalahan masyarakat.

Program Selami Kasih YKN telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 7 Mac 2018 dan menyasarkan seramai lebih 50 ribu orang penerima di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Dato' Sri Rohani turut menyampaikan bantuan kepada 20 penerima dari rumah ke rumah di sekitar Lingga, Maludam dan Sebuyau hari ini bersama 20 Sukarelawan Selami Kasih yang turut membantu.

Turut sama dalam penyampaian bantuan ialah Pengarah Perancangan dan Pembangunan Yayasan Kebajikan Negara, Nordina Haron beserta wakil daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak, Jabatan Pembangunan Wanita Sarawak dan Unit DMO NKRA LIH yang menguruskan Program 1Azam agar dapat memberikan perkhidmatan secara terus kepada masyarakat setempat.

###

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

PUTRAJAYA

Tel: 03-8323 1088

Email: info@kpwkm.gov.my